

## **EKSPRESI SENI DAN KOMUNIKASI VISUAL MURID BERKEPERLUAN KHAS DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH**

**Expression of Art and Visual Communication among Special Needed Students of Visual Arts Education Subjects in Primary Schools**

Ida Puteri Mahsan<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

idaputeri@fskik.upsi.edu.my<sup>1</sup>

\*Corresponding Author

**Received:** 17 Disember 2020; **Accepted:** 19 Januari 2021; **Published:** 26 Februari 2021

**To cite this article (APA):** Mahsan, I. P. (2021). Expression of art and visual communication among special needed students of visual arts education subjects in primary schools. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 10(1)*, 41-54. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.1.4.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.1.4.2021>

### **ABSTRAK**

Ekspresi seni dapat dilihat melalui gambar atau visual yang dijadikan sebagai media untuk melakukan identifikasi dan eksplorasi perasaan. Komunikasi visual yang wujud dalam karya murid berfungsi menyampaikan informasi secara visual dengan memaparkan suatu gambar, tanda atau simbol. Aktiviti menggambar, mewarna dan membina objek memberi peluang kepada luahan ekspresi dalam seni. Kaedah ini dilihat mempunyai nilai yang signifikan untuk dijadikan medium dalam meningkatkan kebolehan berkomunikasi apabila murid dan guru membuat diskusi tentang emosi yang diterjemahkan dalam lukisan. Dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah, murid telah didedahkan dengan aktiviti seni seumpama ini termasuklah murid berkeperluan khas (MBK). Artikel ini bertujuan mengkaji persepsi guru dan aplikasi seni sebagai salah satu medium ekspresi diri dan komunikasi dalam bilik darjah. Hasil karya murid MBK yang mempunyai masalah pembelajaran, autisma dan cacat pendengaran dikaji dari aspek ekspresi seni termasuklah penggunaan warna, garisan, bentuk, komposisi, visual, dan teknik yang bersesuaian dengan tema yang diberikan. Reka bentuk kajian kualitatif digunakan melalui instrumen temu bual dan analisis dokumen. Seorang guru PSV dan lima orang murid MBK dibawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dijadikan informan kajian. Hasil kajian menunjukkan komunikasi visual secara semiotik dapat membantu guru dan murid dalam meningkatkan interaksi sosial di bilik darjah. Kajian juga membuktikan bahawa bidang seni yang dilihat dari aspek seni sebagai medium komunikasi dan ekspresi diri merupakan salah satu teknik yang boleh digunakan dalam membentuk modal insan yang lebih kreatif, inovatif dan produktif terutamanya bagi golongan kurang upaya.

**Kata Kunci:** ekspresi seni, komunikasi visual, guru PPKI, murid berkeperluan khas, pendidikan seni visual

### **ABSTRACT**

*Artistic expressions can be seen through images or visuals that are used as a medium to perform identification and exploration of feelings. Visual communication that exists in the work of students serves to convey information visually by displaying a picture, sign or symbol. The activities of drawing, coloring and designing objects provide opportunities for*

*expression in art. This method is seen to have significant value to be used as a medium in improving the ability to communicate when students and teachers discuss the emotions translated in the drawing. In the subject of Pendidikan Seni Visual (PSV) for primary schools, students have been exposed to such art activities including students with special needs . This article aims to examine teachers' perceptions and the application of art as one of the mediums of self-expression and communication in the classroom. The work of special needs students with learning disabilities, autism and hearing impairment is studied from the aspect of artistic expression including the use of colors, lines, shapes, compositions, visuals, and techniques appropriate to the given theme. Qualitative study design is used through interview instruments and document analysis. A teacher and five special needs students under the Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) from one of primary school in Perak were used in this study as informants. The results show that semiotic visual communication can help teachers and students in improving social interaction in the classroom. Studies also prove that the field of art seen from the aspect of art as a medium of communication and self-expression is one of the techniques that can be used in forming a more creative, innovative and productive human capital, especially for the disabled.*

**Keywords:** arts expression, visual communication, PPKI teachers, special needs student, visual arts education

## PENGENALAN

Pendidikan memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Proses pembelajaran dan pengajaran yang berlaku dalam bilik darjah merupakan penentu utama kejayaan masa depan negara. Pendidikan juga merupakan asas pembentukan negara bangsa yang bersatu padu. Melalui pendidikan, individu berpeluang meningkatkan kualiti hidup, menjadi ahli masyarakat yang berjaya, serta aktif menyumbang kepada pembangunan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2012a). Perubahan sistem pendidikan negara bersifat menyeluruh. Bidang kesenian tidak terkecuali dalam menyumbang ke arah pembangunan modal insan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Fungsi Jabatan Pendidikan Khas termasuklah memperluas akses dan ekuiti pendidikan kepada murid berkeperluan khas (MBK) melalui Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif serta memperkasa strategi pengoperasian Sekolah Pendidikan Khas, PPKI dan Program Pendidikan Inklusif (KPM, 2012b)

Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara kepada setiap golongan masyarakat. PPKI bertujuan menyediakan peluang MBK untuk mengikuti program pendidikan yang menjurus kepada peningkatan potensi sedia ada bagi melahirkan kumpulan separuh mahir dan seterusnya menjadi aset kepada negara (KPM, 201b)

Kanak-kanak ini juga dikatakan berbeza daripada kanak-kanak biasa dari aspek mental, sensori, komunikasi, tingkah laku sosial, atau fizikal (Jamila, 2005). Perbezaan ini menyebabkan satu bentuk pendidikan yang diubahsuai diberikan kepada kanak-kanak ini supaya mereka mampu berkembang dalam kebolehan sendiri. Kaedah pengajaran dan

pembelajaran yang sesuai memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kemahiran berfikir, pembentukan tingkah laku positif, memberi keyakinan diri serta meningkatkan pencapaian akademik murid bermasalah pembelajaran (Hussein *et al.*, 2020). Alat bantu mengajar yang bersesuaian amat diperlukan oleh MBK terutama dalam membantu mereka memahami konsep-konsep tertentu. Pembinaan alat bantu mengajar yang tepat serta betul cara penggunaannya diharap dapat meningkatkan pencapaian MBK dalam menguasai sesuatu kemahiran mata pelajaran (Siti Fatimah & Mustafa, 2018).

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) bertujuan memberi peluang kepada murid memupuk minat, memperkembang keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian alam sekitar serta kaitannya dengan mata pelajaran lain. Tajuk-tajuk yang terdapat dalam dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas bagi mata pelajaran PSV adalah menggambar, corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta kraf tradisional. Aktiviti yang dijalankan bagi menggambar adalah melukis secara spontan untuk menghasilkan imej. Murid perlu menghasilkan gambar dengan teknik gosokan dan gurisan menggunakan media kering seperti arang dan krayon. Selain itu, murid mengenal dan mewarna bentuk organik dan geometrik menggunakan warna sekunder dan tertier. Manakala bagi tajuk membentuk dan membuat binaan pula, murid akan menghasilkan binaan model seperti kenderaan, bangunan, haiwan, perabot atau tumbuhan. Aktiviti yang dilakukan ini memberi peluang kepada murid untuk melakukan ekspresi diri melalui teknik dan media yang diberikan oleh guru. Guru perlu sentiasa memberi peluang kepada murid untuk bebas membuat eksplorasi pada warna dan imej-imej mengikut kreativiti masing-masing. Murid akan menjalani situasi komunikasi secara visual apabila mereka diberi ruang untuk menggambarkan sesuatu tema. Ia diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran yang akan memberi peluang kepada murid mengenali dirinya dan hubungan dengan masyarakat dan kehidupannya. Keadaan ini akan membantu proses perkembangan mereka dari peringkat paling asas iaitu mengenali diri sendiri, peka tentang perasaan dan memiliki konsepsi diri. John A. Micheal dalam bukunya “Art and Adolescence” mempunyai dua pendekatan dalam apresiasi seni iaitu pendekatan secara logik dan pendekatan secara psikologi. Kajian ini lebih sesuai dengan pendekatan secara psikologi kerana pendekatan ini mengandungi perkara-perkara yang lebih menjurus kepada perasaan peribadi dan emosi dalam menghasilkan sesuatu karya. Aspek formalistik tidak akan diambilkira dan tidak memerlukan pemahaman secara intelek. Pendekatan ini akan meninggalkan pengalaman yang mendalam dan berpanjangan kepada pelukis kerana ia melibatkan personaliti pelukis itu sendiri.

Seterusnya, tidak dapat dinafikan pendidikan seni adalah mata pelajaran yang bersifat multidisiplin yang dapat diterapkan bermula dari prasekolah, dalam mata pelajaran matematik dan pendidikan sains, pendidikan bahasa dan pendidikan khas (Penketh, 2016). Setiap murid memerlukan peluang untuk belajar dan melibatkan diri dalam bidang seni (Malley & Silverstein 2014; Uzunboylu *et al.*, 2017). Selain itu, ia juga merupakan bidang yang boleh menyumbang kepada individu berkeperluan khas dari segi sosialisasi dan perkembangan akademik.

## **Permasalahan Kajian**

Guru yang mengajar MBK sememangnya berhadapan dengan pelbagai masalah antaranya ialah apabila murid kurang mempunyai kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri yang

rendah. Sebahagian daripada MBK tidak menguasai kemahiran-kemahiran seperti komunikasi, menyelesaikan masalah, kemahiran tingkah laku, bekerja berkumpulan, asas akademik, interpersonal, komputer, pengurusan masa, mengurus diri, tidak yakin, mengikut arahan, pengurusan personaliti dan integrasi sosial (Hiller *et al.*, 2007; Lee *et al.*, 2011; Shier *et al.*, 2009; Singley & Susan, 2003; Zainudin *et al.*, 2009). Isu-isu seumpama ini boleh menyebabkan murid ini dipinggirkan daripada masyarakat dan sukar menyesuaikan diri dengan gaya hidup yang penuh dengan cabaran. Kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri amat penting untuk memastikan kehidupan sehari-hari dapat diuruskan dengan sebaik-baiknya. Selain itu, kajian oleh Hussein *et al.* (2020) menyatakan pelbagai masalah dihadapi oleh murid dalam kategori bermasalah pembelajaran. Secara umumnya mereka mengalami kelewatan perkembangan pemikiran, ingatan, daya tumpuan, koordinasi, komunikasi, membaca, menulis, mengeja dan mengira serta kemahiran sosial dan kematangan emosi. Mata pelajaran PSV adalah salah satu mata pelajaran yang boleh menggalakkan murid untuk berkomunikasi apabila guru dan murid berkolaborasi menjalankan aktiviti *hands-on* dengan menggunakan pelbagai jenis media dan bebas membuat aktiviti ekspresif.

Namun demikian, silibus Pendidikan Seni di Malaysia lebih banyak berfokus kepada menghasilkan karya seni, bukan seni sebagai kaedah pengluahan emosi kanak-kanak (Kamal *et al.*, 2013). Aktiviti menggambar, melakar, mewarna dan membuat binaan yang terdapat dalam kurikulum PSV dapat mewujudkan luahan emosi dan ekspresi diri yang dapat membantu proses komunikasi murid bergantung kepada peranan guru. Selain itu, kepentingan Pendidikan Seni dalam program pendidikan khas adalah bagi meningkatkan kemahiran motor kasar dan motor halus, kemahiran persepsual-motor dan kreativiti seni. Seni sebagai medium peluahan dan ekspresi murid bermasalah pembelajaran juga diberi tempat dalam kurikulum ini (Osman & Ahmed, 2007). Suasana pembelajaran yang kondusif, aktif dan menyeronokan harus sentiasa diwujudkan agar murid lebih bersemangat untuk hadir ke sekolah dan melibatkan diri dalam pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah secara total. Kajian terhadap peranan mata pelajaran PSV dalam mengadaptasikan seni sebagai salah satu bentuk kaedah ekspresi diri di kalangan MBK masih kurang dijalankan. Kajian ini dapat membantu memberi panduan khasnya kepada guru yang mengajar MBK bagi mata pelajaran PSV dari aspek apresiasi dan ekspresi seni dalam memperbaiki kemahiran komunikasi secara visual.

## **Objektif Kajian**

- i. Mengkaji persepsi guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) terhadap peranan seni sebagai medium ekspresi diri dan komunikasi visual bagi murid berkeperluan khas (MBK) dibawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah rendah.
- ii. Menganalisa hasil karya murid berkeperluan khas (MBK) dari aspek bentuk dan makna melalui penggunaan warna, garisan, bentuk, komposisi, visual, dan teknik yang bersesuaian dengan tema yang diberikan.

## Kajian Literatur

Terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan oleh manusia bagi tujuan ekspresi antaranya ialah melalui lisan, perasaan dan emosi, tulisan dan bahasa penciptaan dan penghasilan pergerakan (Nafishah *et al.*, 2019). Selain itu , menurut Day dan Hurwitz (2012) , keupayaan kognitif, keinginan untuk meneroka bagi memenuhi perasaan ingin tahu, kemahiran motor kasar dan motor halus serta meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif bergantung kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Ekspresi, kreativiti dan inovasi merupakan komponen yang sangat penting dalam pendidikan seni. Kreativiti merupakan suatu kebolehan berfikir dan bertindak yang tidak berasaskan logik biasa kerana logik bersifat “penilaian” (*judgemental*). Tetapi itu tidak bermakna kreativiti tidak memerlukan pemikiran kreatif dan analitis. Kreativiti tahap tinggi amat memerlukan pemikiran logik-kritis kerana idea yang asli belum tentu boleh berjaya jika ia dipasarkan (Mohd Azhar *et al.*, 2006).

Melalui seni juga, kemahiran komunikasi dan persepsi dibina untuk menyampaikan mesej. Proses pembinaan kemahiran yang tinggi bergantung kepada interaksi individu itu sendiri. Kemahiran yang tinggi pula dikaitkan dengan kreativiti. Lukisan dan catan menggabungkan ekspresi dan emosi kepada seseorang apabila ia dihasilkan dengan menggunakan warna dan berus cat. Ia tidak terbatas dengan sebarang gaya, imej atau stail. Namun demikian, apabila aktiviti seni dijalankan dalam kelas, guru perlu menjadi fasilitator untuk memberi panduan yang lengkap dari aspek tema, teknik, media dan makna hasil seni. Murid pendidikan khas sememangnya memerlukan sokongan yang lebih terperinci di setiap proses penghasilan.

Pemantauan yang terperinci perlu dijalankan oleh guru dengan meninjau ekspresi dan luahan emosi dalam karya yang dihasilkan. Setiap karya yang berhasil oleh kanak-kanak membuka rangsangan tindakan artistik dalam pengajaran oleh guru (Ramli & Musa, 2020). Lukisan merupakan salah satu medium yang boleh menyalurkan emosi kanak-kanak kerana ia lebih dilihat sebagai medium pengluahan emosi kanak-kanak . Kaedah ini dilihat mempunyai nilai yang signifikan untuk dijadikan medium dalam meningkatkan kebolehan berkomunikasi apabila murid dan guru membuat diskusi tentang emosi yang diterjemahkan dalam lukisan. Aktiviti seni juga boleh dijadikan sebagai terapi diri.Terapi seni dapat membantu menstimulasi bahagian otak yang tidak berkembang dan membantu anak autisme dalam mengekspresikan kecekapan non verbal (Nas Norziela, 2018). Terapi seni juga bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan penyembuhan pada individu dengan menggunakan peralatan seni yang dapat diberikan pada semua usia, keluarga, dan kelompok (Malchiodi, 2005). Fareez dan Mohd Zahuri (2019) menyatakan terapi seni juga merupakan alat fleksibel yang dapat membantu individu dari aspek bantuan emosi, merawat trauma, menyelesaikan masalah dan meningkatkan kesejahteraan hidup. Dari aspek diri pula, terapi seni menurut Rifa (2014) merupakan suatu bentuk terapi dengan menggunakan gambar sebagai media untuk mengembangkan perilaku positif yang bersifat interpersonal dan intrapersonal yang berhubungan dengan sosialisasi individu dan dapat menghubungkan dunia dalam diri kanak-kanak dengan dunia luaran (Mcniff, 1994). Peralatan seni yang variasi membolehkan pelbagai pergerakan tubuh badan termasuklah pergerakan tangan dan kaki. Garisan, bentuk dan simbol dalam lukisan menjadi salah satu media komunikasi bagi murid yang tidak mempunyai keyakinan diri untuk berkomunikasi secara verbal. Proses menghasilkan karya seni boleh dijalankan bermula dengan imitasi, manipulasi, ketepatan,

artikulasi dan naturalisasi yang selaras dengan elemen-elemen psikomotor seperti yang terdapat dalam kajian Talib *et al.* (2016).

Teori *Scaffolding* oleh Vygotsky bersesuaian dengan kajian ini. Murid lebih banyak belajar ketika berkolaborasi dengan orang lain yang mempunyai pelbagai kemahiran dan pengetahuan yang lebih luas (Uduafemhe, 2015). Teori ini menyarankan guru menolong murid menguasai sesuatu tugas atau konsep dengan memberikan sokongan. Sokongan ini boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti garis panduan, dokumen tugas, papan cerita, atau membuat diskusi di dalam proses pdpc. Kajian ini juga menggunakan teori-teori lukisan kanak mengikut Mc Fee seperti Teori "*Naive Realisme*", Teori "*Intellectualist*", Teori "*Perceptual Development*", Teori "*Haptic & Visual*" dan Teori "*Age - Based concepts of developmental*". Teori "*NaiveRealisme*" menjelaskan bahawa apa yang dilihat oleh kanak-kanak sama seperti yang tergambar di otaknya. Oleh itu apa yang di lukisnya sama seperti yang di lukis oleh orang dewasa tetapi orang dewasa melukis dengan lebih matang mengikut kematangan otot-ototnya. Teori "*Intellectualist*" memberitahu kita bahawa kanak-kanak melukis menurut apa yang mereka tahu, kenal biasa dengan rupa dan rasanya. Mc Fee menjelaskan lagi bahawa kanak-kanak berkomunikasi juga melalui lukisannya. Oleh itu konsep ini menguatkan hujah beliau bahawa kanak-kanak melukis dari apa yang mereka tahu atau kenali.

Teori persepsi pula menyatakan bahawa kanak-kanak melukis dari apa yang dilihat. Menurut beliau proses pengamatan/persepsi bermula dengan "*undifferentiated wholes*" dan "*receeds more details*". Tetapi kanak-kanak dan orang dewasa berbeza dari segi persepsi mereka. Matlamat penghasilan karya seni memberi peluang kepada individu mencipta ruang yang membolehkannya meluahkan diri dalam spektrum ekspresi yang luas. Eksresi seni ini mempunyai ciri-ciri projektif kerana ia datang dari diri sendiri. Intergrasi dari proses transformasi tenaga kreatif dan kreativiti yang dapat memulih adalah asas kepada dinamik kesihatan (Mcniff, 1994). Melalui seni kemahiran komunikasi dan persepsi dibina untuk menyampaikan mesej. Proses pembinaan kemahiran yang tinggi bergantung kepada interaksi individu itu sendiri. Kemahiran yang tinggi pula dikaitkan dengan kreativiti. Lukisan dan catan menggabungkan eksresi dan emosi kepada seseorang apabila ia dihasilkan dengan menggunakan warna dan berus cat. Ia tidak terbatas dengan sebarang gaya, imej atau stail.

Namun demikian, apabila aktiviti seni dijalankan di dalam bilik darjah, guru perlu menjadi fasilitator untuk memberi panduan yang lengkap dari aspek tema, teknik, media dan makna hasil seni. MBK sememangnya memerlukan sokongan yang lebih di setiap proses penghasilan. Pemantauan yang terperinci perlu dijalankan oleh guru dengan meninjau eksresi dan luahan emosi dalam karya yang dihasilkan. Lukisan merupakan salah satu medium yang boleh menyalurkan emosi kanak-kanak (Norasmah, 2013) kerana ia lebih dilihat sebagai medium pengluahan emosi kanak-kanak. Kaedah ini dilihat mempunyai nilai yang signifikan untuk dijadikan medium dalam meningkatkan kebolehan berkomunikasi apabila murid dan guru membuat diskusi tentang emosi yang diterjemahkan dalam lukisan. Peralatan seni yang variasi membolehkan pelbagai pergerakan tubuh badan termasuklah pergerakan tangan dan kaki. Garisan, bentuk dan simbol dalam lukisan menjadi salah satu media komunikasi bagi murid yang tidak mempunyai keyakinan diri untuk berkomunikasi secara verbal.

## **Teori Komunikasi Visual**

Ada dua bentuk simbol bahasa yakni verbal dan bukan verbal. Manusia mempunyai fikiran, perasaan, dan perbuatan yang diluahkan melalui ungkapan kata-kata yang disebut verbal. Apabila kata-kata diucapkan maka ia dipanggil verbal vokal, apabila ditulis ia dipanggil verbal visual dan apabila dikomunikasikan melalui bahasa gambar ia dipanggil sebagai visual.

Lukisan boleh didefinisikan sebagai proses interaktif verbal dan nonverbal atau, dengan kata lain, melalui mod penghasilan ayat yang berbeza, membina makna, dan teori. Mendengar membantu penyelidik dalam memahami bagaimana kanak-kanak mengekspresikan sosioemosi mereka dan bagaimana kanak-kanak bertindak balas untuk mentafsirkan emosi mereka. (Zakaria *et al.*, 2021). Salah satu elemen dalam teori komunikasi visual adalah semiotik. Semiotik boleh didefinisikan sebagai ilmu tentang tanda-tanda atau simbol. Ia berfungsi menyampaikan mesej atau informasi secara visual yang memaparkan suatu gambar, tanda atau simbol yang dapat ditafsirkan dengan mudah. Analisis semiotik menurut Stokes (2003) bermula dengan pendefinisian objek analisis dan pengumpulan teks (kumpulan tanda) yang akan dianalisis. Seterusnya, tanda-tanda yang tampak dalam hasil karya yang dikaji akan disenaraikan. Analisis semiotik dalam kajian ini akan dilakukan terhadap tanda-tanda tersebut akan meliputi analisis dimensi elemen fizikal yang terdiri dari garisan, bentuk, warna, komposisi gambar, dan tulisan. Penggunaan teori semiotik yang semakin meluas ke pelbagai disiplin ilmu, memberikan sumbangan keilmuan terhadap kepelbagaiannya ilmu dalam dunia pendidikan. Dalam hal ini ilmu semiotik lebih memperhatikan makna mesej dan cara mesej disampaikan melalui tanda-tanda (Danesi, 2004).

## **METODOLOGI**

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian kes dimana ianya dijalankan di sebuah sekolah rendah yang mempunyai PPKI di daerah Batang Padang, Perak. Pemilihan rekabentuk kajian kes adalah kerana ianya memberi tumpuan dalam mendapatkan maklumat sesuatu yang mendalam dalam kejadian pada masa yang tertentu. Kajian kes adalah merupakan satu strategi reka bentuk kajian yang paling berkesan untuk memahami hal-hal yang sebenar, realiti sosial dan persepsi yang wujud tanpa diganggu oleh pengukuran formal atau soalan-soalan yang ditentukan terlebih awal. Proses penerokaan ini akan mendedahkan cerita utama yang didedahkan oleh mereka yang benar-benar terlibat berkaitan dengan peristiwa sebenar, dalam keadaan sebenar (Guba & Lincoln, 1989). Pemilihan pendekatan kualitatif digunakan untuk menjawab persoalan yang memerlukan jawapan kepada bagaimana dan apa yang berlaku, tajuk yang berbentuk penerokaan dan kajian yang memerlukan jawapan secara terperinci seperti yang dinyatakan oleh Creswell (2007).

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dengan menggunakan guru seni program PPKI yang mempunyai pengalaman mengajar MBK mata pelajaran PSV. Pengkaji menggunakan instrumen temubual tidak berstruktur untuk mendapatkan data yang lebih terbuka, subjektif dan fleksibel tentang ekspresi seni dan komunikasi visual MBK bagi mata pelajaran PSV. Instrumen ini digunakan bagi mendapatkan data tentang persepsi guru terhadap mata pelajaran PSV sebagai medium ekspresi dan komunikasi di dalam bilik darjah. Guru perlu menjelaskan sejauh mana aktiviti seni seperti melakar, mewarna dan membuat

binaan yang dijalankan dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi dalam proses ekspresi diri dikalangan MBK. Pengkaji juga menggunakan dokumen analisis yang terdiri daripada hasil karya murid guru tersebut untuk melihat ekspresi seni dari aspek warna, garisan, bentuk, komposisi, visual dan sebagainya. Murid yang terlibat adalah MBK yang mempunyai masalah pembelajaran, autisma dan cacat pendengaran dibawah PPKI. Dokumen ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri hasil karya murid tersebut dari aspek bentuk dan makna amnya.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil dapatan kajian menunjukkan beberapa hasil karya murid pendidikan khas yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu autistik, cacat pendengaran dan masalah pembelajaran. Peringkat umur murid tersebut adalah 7-14 tahun. Menurut guru seni, projek seni yang dijalankan ini bertujuan untuk membina kreativiti murid dalam mengadaptasi pengalaman mereka dalam bentuk visual 2 dimensi dan 3 dimensi. Selain itu projek seni membolehkan guru menilai sejauh mana sensitiviti murid dalam kehidupan seharian. Guru beranggapan fungsi seni dalam pendidikan boleh menggalakkan perkembangan fizikal, mental dan estetik.

Selain itu, ekspresi yang diluahkan dalam projek seni membantu perkembangan personaliti dan memberi kepuasan diri kepada murid. Ia secara tidak langsung dapat mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih aktif dan tidak membosankan. Karya seni yang dihasilkan ini juga dapat membantu guru untuk memahami isi hati murid melalui imej-imej dan sapuan warna yang dipersembahkan. Komunikasi visual yang wujud membolehkan guru mengenalpasti sejauh mana pemahaman murid terhadap situasi tema yang diberikan. Rajah 1 menunjukkan hasil karya murid autistik yang bertajuk Kampung Halaman. Kanak-kanak autistik mempunyai ciri-ciri yang unik dan pelbagai. Autism adalah sejenis gangguan psikiatri atau gangguan perkembangan yang mengakibatkan masalah dalam komunikasi dan kemahiran sosial, sama ada perkembangan bahasa yang lambat atau tidak berkembang.

Namun demikian, aktiviti seni yang dijalankan ini dapat memberi petunjuk sejauh mana pemikiran murid ini dalam memahami situasi dan tema yang diberikan. Pengkaji berpendapat, murid ini mempunyai daya imaginasi yang tinggi. Suasana kampung halaman yang dipamerkan kelihatan jelas dan relevan terutama dari aspek senibina rumah. Komposisi gunung ganang, tumbuh-tumbuhan dan figura manusia dari pelbagai pergerakan telah mewujudkan suatu suasana masyarakat kampung yang meriah. Objek yang di lukisnya sama seperti yang di lukis oleh orang dewasa tetapi orang dewasa melukis dengan lebih matang mengikut kematangan otot-ototnya. Keunikan lukisan ini dapat dilihat dari segi olahan imej-imej alam semulajadi iaitu imej matahari, awan, rumput dan gunung ganang dengan gayanya yang tersendiri. Selain itu, kelihatan imej-imej rumah-rumah yang padat, kereta dan figura manusia secara orang lidi. Imej-imej rumah yang dilukis sememangnya jelas menggambarkan bentuk senibina rumah kampung yang terletak dihadapan gunung ganang. Pengkaji berpendapat, imej-imej rumah yang padat boleh menggambarkan kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan kampung murid tersebut. Ini juga berdasarkan imej-imej orang lidi yang kelihatan ramai. Secara amnya, imej orang lidi yang digambarkan boleh dianggap sebagai simbol atau ringkasan untuk melukis figura manusia. Lukisan ini juga menunjukkan murid juga melukis melalui gambaran yang diberi oleh guru dan melalui buku-buku rujukan. Selain itu imej kereta yang digambarkan jelas menggambarkan struktur sebuah kereta yang hampir

lengkap. Warna biru yang digunakan dan sedikit merah telah digunakan pada imej rumah dan rumput-rumput. Kategori warna biru adalah warna sejuk yang memberi representasi tentang ketenangan dan kestabilan. Didalam lukisan tersebut murid tidak menggunakan warna yang pelbagai. Ini mungkin disebabkan oleh tahap kreativiti mewarna yang terhad atau murid tersebut lebih fokus kepada kualiti dan ekspresi garisan yang dirasakan telah mencukupi. Selain itu, situasi ini mungkin berlaku disebabkan murid dan guru tidak mempunyai alatan mewarna yang pelbagai.



Rajah 1. Lukisan Kampung Halaman murid autistik.

Seterusnya, Rajah 2 menunjukkan hasil karya seni murid kategori masalah pembelajaran. Tajuk projek yang diberikan adalah Rumah Saya. Murid ini telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan projek ini dijalankan dalam beberapa minggu. Guru telah memberi tunjuk ajar tentang asas bagaimana membina rumah dengan menggunakan media kotak, kertas warna dan cat air. Murid sememangnya telah menunjukkan sifat kerjasama dalam kumpulan dan berupaya membuat perkembangan idea dengan menambah objek-objek di sekitar binaan rumah tersebut tanpa disuruh oleh guru. Projek seumpama ini boleh menguatkan daya imaginasi dalam menghasilkan bentuk-bentuk 3 dimensi yang mempunyai pelbagai sudut pandangan. Membina seni 3 dimensi memerlukan daya imaginasi yang tinggi dan kebolehan dalam memilih bahan dan media yang sesuai untuk menghasilkan binaan yang berdiri teguh. Projek seumpama ini dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran asas psikomotor merangkumi menguasai proses bertanya dan menjawab soalan mengenai bahan-bahan dan alatan yang diperlukan, berpartisipasi dalam perbincangan dan melaksanakan tugas dalam kumpulan. Apabila murid dan guru berkolaborasi dalam proses penghasilan karya, pelbagai idea akan dapat dijana dan dikongsi bersama. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan daya kreativiti murid dan mengeratkan hubungan interaksi sosial di kalangan murid dan guru. Kombinasi warna yang digunakan termasuklah warna primer dan warna sekunder. Warna primer ialah merah, biru dan kuning manakala warna sekunder adalah warna hijau, ungu dan jingga. Ini menunjukkan murid mempunyai kreativiti dalam membuat eksplorasi campuran warna yang pelbagai termasuklah warna sejuk dan warna panas. Murid juga telah menunjukkan minat dalam mengaplikasi warna dan berjaya mewujudkan pelbagai warna dari sudut pandangan yang berbeza. Secara keseluruhannya, projek seumpama ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan menyeronokkan.



Rajah 2. Karya binaan Rumah Saya murid masalah pembelajaran.

Seterusnya Rajah 3 pula merupakan hasil karya pelajar cacat pendengaran. Murid ini telah diberikan tugas untuk meniru imej haiwan yang telah disediakan oleh guru. Projek ini diberikan kepada murid dengan tujuan memperkenalkan murid dengan beberapa ciri-ciri haiwan yang berbeza. Melalui lukisan ini, murid dapat memahami dengan lebih mendalam bentuk haiwan dari aspek rupa, bentuk dan warna. Projek ini mampu membantu murid yang mengalami masalah kurang pendengaran untuk mengenal objek dan berinteraksi dengan alam sekitar. Lukisan yang dihasilkan oleh murid ini kelihatan jelas dan terperinci melalui garisan yang dihasilkan. Pengolahan garisan, warna dan ruang yang teratur memperlihatkan ketelitian murid yang baik. Guru beranggapan murid yang mengalami kurang pendengaran tidak mempunyai masalah dari aspek memahami dan mengadaptasi lukisan dengan betul dan tersusun. Bentuk dan struktur haiwan yang dilukis adalah hampir lengkap.

Murid mampu membuat perbezaan haiwan yang boleh bergerak atas air dan haiwan yang tidak boleh. Melalui Rajah 3 juga, imej itik kelihatan lebih dominan dengan penggunaan warna panas iaitu kuning dan skala yang lebih besar dan terperinci. Pengkaji beranggapan murid mempunyai lebih banyak pengalaman melihat haiwan tersebut dalam kehidupan seharian. Manakala warna yang digunakan pada ayam jantan dan betina kelihatan agak minimal dan pudar. Ini berkemungkinan murid kurang jelas dengan warna yang ada pada haiwan tersebut. Kesemua projek seni yang dijalankan merangkumi pergerakan refleksi, pergerakan asas, kemampuan persepsi, dan pergerakan fizikal dan mental. Aktiviti lukisan merupakan aktiviti yang terbaik bagi MBK dalam menimba ilmu pengetahuan, membentuk keperibadian, meluahkan emosi dan meningkatkan kemahiran psikomotor. Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan pelbagai aktiviti seni dalam membentuk modal insan yang berkualiti.



Rajah 3. Lukisan haiwan murid cacat pendengaran.

## PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa ekspresi seni dan komunikasi visual sentiasa wujud apabila murid didedahkan dengan sebarang aktiviti menghasilkan karya seni tidak kira sejauh mana bakat yang ada pada diri mereka. Hasil karya seni bagi murid bekeperluan khas bukanlah dilihat dan dinilai dari aspek formalistik, tetapi ia akan dihayati dari aspek bentuk dan makna yang subjektif. Unsur-unsur semiotik yang merujuk kepada tanda dan simbol, memainkan peranan sebagai alat komunikasi bagi murid untuk menyampaikan mesej, penceritaan dan menunjukkan pemahaman terhadap sesuatu perkara melalui visual. Kajian ini mengenalpasti persepsi guru dan peranan guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran PSV di bilik darjah. Kajian ini juga mendokumentasikan tiga karya MBK yang mempunyai tiga jenis ketidakupayaan iaitu murid autistik, masalah pembelajaran dan cacat pendengaran. Murid autistik dapat dilihat sebagai murid yang mempunyai keunikan tersendiri. Ini berdasarkan kepada definisi autisma iaitu gangguan autistik yang didefinisikan sebagai gangguan perkembangan dengan tiga ciri utama, iaitu gangguan pada interaksi sosial, gangguan pada komunikasi, dan keterbatasan minat serta kemampuan imajinasi (Ginanjar, 2007). Oleh itu, kanak-kanak autisme mengalami perkembangan komunikasi yang amat terhad. Mereka sering menunjukkan emosi melalui tingkah laku dan pergerakan tubuh badan. Melalui aktiviti *hands-on* iaitu menggambar, mewarna dan melakar yang dijalankan dalam mata pelajaran PSV, murid autistik mendapat peluang untuk membuat ekspresi dan meluahkan emosi melalui media lukisan seperti pensel, dan campuran warna.

Dapatan kajian ini menunjukkan lukisan yang dihasilkan oleh murid autistik mengenai Kampung Saya menepati tema yang diberikan, namun stil yang dipersembahkan mempunyai keunikan dan gaya yang tersendiri. Pergerakan garisan dan bentuk yang dihasilkan ini menggambarkan ekspresi murid tersebut. Garisan yang dilakarkan menggabungkan visual garisan yang lurus dan melengkung menunjukkan murid tersebut mempunyai kebolehan dan daya kreativiti dalam mencipta imej. Murid juga pandai mengolah komposisi ruang dalam rekaletak. Keseluruhan komposisi kelihatan menggambarkan suasana

Kampung Halaman yang meriah dan padat. Ini menunjukkan murid mempunyai pengalaman yang banyak tentang tema yang diberikan. Merujuk kepada teori persepsi yang menyatakan bahawa kanak-kanak melukis dari apa yang dilihat. Proses pengamatan/persepsi bermula dengan "*undifferentiated wholes*" dan "*receeds more details*". Pengkaji berpendapat murid ini tidak mempunyai masalah dalam mengadaptasi pengalaman dalam kehidupan sehari-hari bersama keluarga di kawasan kampung kerana mempunyai pengalaman menetap di kawasan kampung.

Murid kelihatan memberikan persepsi yang positif terhadap tema yang diberikan apabila murid lebih banyak menggunakan warna sejuk iaitu warna biru yang sering dikaitkan dengan ketenangan dan kestabilan. Merujuk kepada Teori "*NaiveRealisme*" yang dirujuk dalam kajian ini iaitu kanak-kanak melukis sama seperti yang tergambar di otaknya. Apa yang di lukisnya sama seperti yang di lukis oleh orang dewasa tetapi orang dewasa melukis dengan lebih matang mengikut kematangan otot-ototnya. Murid autistik ini telah menterjemahkan imaginasinya tentang tema yang diberikan dengan gaya yang tersendiri. Persepsi setiap audien yang menghayati karya seni seumpama ini adalah berbeza. Namun pengkaji berpendapat murid telah berjaya merakamkan situasi kampung halaman dengan jelas melalui imej-imej yang terdapat dalam lukisan beliau yang bertepatan dengan tema yang diberikan dengan gaya yang tersendiri.

Seterusnya murid yang mempunyai masalah pembelajaran telah menjalankan projek secara berkumpulan untuk membuat binaan Rumah Saya. Golongan murid terdiri dari tiga orang murid yang kurang kebolehan dalam membaca, mengira dan menghafal. Guru sentiasa memberi peluang sepenuhnya kepada murid untuk membuat sebarang eksplorasi bentuk dan warna kepada binaan. Pengetahuan asas telah diberikan dari aspek bentuk rumah dan warna yang bersesuaian. Namun demikian, guru tetap memberi kebebasan kepada murid untuk menambah sebarang bentuk dan warna kepada binaan tersebut. Ini secara tidak langsung memberi motivasi kepada murid untuk meluahkan idea, membuat perbincangan dalam kumpulan, berkongsi pendapat dan bekerjasama bersama ahli kumpulan untuk menyiapkan binaan. Walaupun murid ini bukanlah kategori murid yang normal, guru tetap mengambil inisiatif untuk menerapkan konsep pembelajaran berpusatkan pelajar agar potensi dan keunikan bakat setiap murid dapat dicungkil.

Seterusnya bagi murid cacat pendengaran, guru berhadapan dengan masalah komunikasi secara verbal yang ketara kerana guru tidak mempunyai kepakaran dalam penggunaan bahasa isyarat. Guru hanya mampu menunjukkan arahan secara gerak tubuh badan. Guru perlu menggalakkan murid untuk mengamati gambar yang diberikan dan melukis apa yang dapat dilihat pada gambar. Pengkaji berpendapat, murid juga berusaha untuk melukis melalui pengalaman beliau sendiri melihat haiwan tersebut secara realiti. Ini kerana murid tinggal di kawasan perkampungan. Keseluruhannya, guru yang terlibat telah menggunakan pelbagai strategi pembelajaran dan pengajaran mengikut kemampuan setiap MBK ini. Latar belakang kehidupan dan pengalaman yang diperoleh oleh murid tersebut juga banyak mempengaruhi kemahiran dan kreativiti dalam diri murid tersebut. Peranan guru adalah amat penting dalam mengenal dan memahami kemampuan fizikal dan mental murid dengan lebih mendalam agar setiap murid diberi peluang untuk berkarya mengikut tahap yang tertentu.

## KESIMPULAN

Kajian ini dapat menggambarkan ekspresi seni yang dilihat dari aspek seni sebagai medium komunikasi merupakan salah satu strategi yang boleh digunakan dalam membentuk modal insan yang lebih kreatif, inovatif dan produktif terutamanya bagi golongan kurang upaya termasuklah MBK. Kepelbagai teknik dan media yang digunakan dalam aktiviti seni mampu meransang kreativiti murid untuk membantu mengembangkan komunikasinya dan membantu dalam mengendali proses berfikir. Mengintegrasikan seni ke dalam tetapan pendidikan umum dan khas untuk memudahkan ekspresi diri, memberi emosi dan meningkatkan pelbagai kemahiran sememangnya mendapat perhatian para pendidik di abad ini. Oleh yang demikian, mata pelajaran PSV, mampu dijadikan sebagai tunjang untuk memberi lonjakan paradigma bagi melahirkan semua golongan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada agama, bangsa dan negara.

## RUJUKAN

- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Sage.
- Fareez, & Mohd Zahuri, K. (2019). Seni sebagai terapi banduan melalui program kreatif seni di penjara Malaysia. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 7, 105-113.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2867>
- Ginanjar, A. S. (2007). Memahami spektrum autistik secara holistik. *Makara Seri Sosial Humaniora*, 11(2), 87-99. <https://doi.org/10.7454/mssh.v1i2.121>
- Guba, E. G., & Lincoln, Y. S. (1989). *Fourth generation evaluation*. Sage Publication
- Hiller, Ashleigh, Campbell, Heather, Mastriani, Karen, Izzo, Margo Vreeburg, Kool-Tucker, Andrea, K., Cherry, Laura, & Beversdorf, D. O. (2007). Two-year evaluation of a vocational support program for adults on the autism spectrum. *Career DevelopmentFor Exceptional Individuals*, 30(1), 35-47.  
<https://doi.org/10.1177/08857288070300010501>
- Hussein, H., Nachiappan, S., Masran, M. N., & Mohammad Khasnan, S. S. (2020). Analisis pemupukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah pendidikan khas masalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(2), 34-47.  
<https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.2.4.2020>
- Jamila K. A. Mohamed. (2005). *Pendidikan khas*. PTS Professional
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012a). *Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1821-l-a-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012b). *Bahagian pendidikan khas*.  
<https://www.moe.gov.my/korporat/bahagian-dan-unit/bahagian-pendidikan-khas>
- Lee, M., Abdullah, Y., & Mey, S. C. (2011). Employment of people with disabilities in Malaysia: Drivers and inhibitors. *International Journal of Special Education*, 26, 112-124.
- Malchiodi, C. A. (2005). *Expressive therapies*. Guilford.
- Malley, S. M., & Silverstein, L. B. (2014). Examining the intersection of arts education and special education. *Arts Education Policy Review*, 115(2), 39-43.
- Mcniff, S. (1994). *Art as medicine: Creating a therapy of the imagination*. Shambhala
- Mohd Azhar, A. H., Mohd Koharuddin, B., & Muhamed Fauzi, O. (2006). *Reka cipta dan inovasi dalam perspektif kreativiti*. Universiti Teknologi Malaysia
- Nafishah, M. N., Abdul, H. H., & Siti Hayati, M. Y. (2019). Ekspresi karya seni visual murid di sekolah bimbingan jalinan kasih. *Jurnal IPDA*, 26(1).  
<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8207>
- Nas Norziela, N. (2018). *Terapi seni ekspresif*. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-alaysia/20180129/281951723250397>
- Osman, H., & Ahmad, G. I. (2007). Ke arah peningkatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni dalam pendidikan khas bermasalah pembelajaran. *Masalah Pendidikan*, 30(1).

- Penketh, C. (2016). Special educational needs and art and design education: Plural perspectives on exclusion. *Journal of Education Policy*, 31(4), 432-442.
- Program Pendidikan Khas Integrasi. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pendidikankhas/program-pendidikan-khas-integrasi>
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020). Ekplorasi seni visual melalui aktiviti lakaran asas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 35-47.  
<https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.4.2020>
- Shier, Micheal, Graham, John, R., & Jones, M. E. (2009). Barriers to employment as experienced by disabled people: A qualitative analysis in Calgary and Regina, Canada. *Disability & Society*, 24(1), 63-75.
- Singley, & Susan, G. (2003). *Barriers to employment among long-term beneficiaries: A review of recent international evidence* (M. o. S. Development, Trans.). Centre for Social Research and Evaluation.
- Siti Fatimah, S., & Mustafa, C.O. (2018). Masalah pengajaran guru dalam program pendidikan inklusif di sekolah. *Asian People Journal*, 1(2), 243-263.
- Stokes, J. (2003). *How to do media and cultural studies*. Sage Publication.
- Talib, Noraini., Mohd Yassin., Siti Fatimah., M. Nasir., & M. Khalid. (2016). Mengkaji pentaksiran pengaturcaraan komputer berdasarkan penyelesaian masalah kreatif menggunakan pendekatan “grounded theory”. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 5, 25-38.
- Uduafemhe., E. M. (2015). Comparative effects of scaffolding and collaborative instructional approaches on secondary school students' psychomotor achievement in basic electronics in north-central Nigeria. *IOSR Journal of Engineering (IOSRJEN)*, 5(6), 23-31.
- Uzunboylu., Hüseyin., Bicen., Ayla., Vehapi., & Shemsedin. (2017). The analysis of research problems regarding physical education lecture. *PONTE International Scientific Researchs Journal*, 73. 10.21506/j.ponte.2017.5.22.
- Zainudin, M. I., Noraini, S., & Ramlee, M. (2009). Kurikulum pendidikan vokasional murid bermasalah pembelajaran (MP). *Diges Pendidik*, 9(2), 89-99.
- Zakaria, M. Z., Yunus, F., & Mohamed, S. (2021). Drawing activities enhance preschoolers socio emotional development. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 10(1), 18-27.  
<https://doi.org/10.37134/saecj.vol10.1.2.2021>